

Keberkesanan SQ3R Dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca Teks KOMSAS Murid Tingkatan Dua

The Effectiveness of SQ3R in Enhancing KOMSAS Reading Skills among Form Two Students

Nur Insyirah Nazri
nsyeerahn@gmail.com

Mohd Zikri Ihsan Mohamad Zabhi*
mohdzikri@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

**Corresponding Author*

Received: 10 October 2025; Published: 12 December 2025

Cite this article (APA) as:

Nazri, N. I., & Mohamad Zabhi, M. Z. I. (2025). Keberkesanan SQ3R Dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca Teks KOMSAS Murid Tingkatan . *RUMPUN JURNAL PERSURATAN MELAYU*, 13(2), 103 - 113. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/206>

ABSTRAK

Kajian ini menilai keberkesanan strategi membaca SQ3R dalam meningkatkan kemahiran membaca pemahaman teks KOMSAS dalam kalangan murid Tingkatan 2. Kajian kuasi eksperimen melibatkan 120 orang murid yang dibahagikan kepada kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Instrumen kajian terdiri daripada ujian pra, ujian pasca dan soal selidik persepsi murid. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi dengan bantuan SPSS Versi 26. Dapatan menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam pencapaian membaca murid selepas intervensi SQ3R ($t = -18.31$, $p < .05$). Persepsi murid terhadap SQ3R juga sangat positif, merangkumi aspek motivasi, efikasi sendiri dan penggunaan strategi membaca secara konsisten. Kajian ini membuktikan bahawa SQ3R merupakan strategi pedagogi berstruktur yang berkesan dalam meningkatkan kemahiran membaca KOMSAS, sekali gus menyokong pembinaan kemahiran literasi akademik murid sekolah menengah. Kata kunci: Strategi SQ3R; kemahiran membaca; KOMSAS; murid Tingkatan 2; pedagogi membaca

ABSTRACT

This study evaluates the effectiveness of the SQ3R reading strategy in enhancing the reading comprehension skills of KOMSAS texts among Form Two students. A quasi-experimental design was employed involving 120 students who were assigned to experimental and control groups. The research instruments consisted of a pre-test, post-test, and a student perception questionnaire. Data were analysed using descriptive and inferential statistics with the aid of SPSS Version 26. The findings revealed a significant improvement in students' reading performance following the implementation of the SQ3R strategy ($t = -18.31$, $p < .05$). Students also demonstrated highly positive perceptions of SQ3R, particularly in terms of motivation, self-efficacy, and the consistent use of reading strategies. This study affirms that SQ3R is an effective and structured pedagogical strategy for improving

KOMSAS reading skills, thereby supporting the development of academic literacy among secondary school students.

Keywords: SQ3R strategy; reading skills; KOMSAS; Form Two students; reading pedagogy

PENGENALAN

Strategi SQ3R ialah kaedah membaca berstruktur yang diperkenalkan oleh Francis P. Robinson pada tahun 1970 dan digunakan secara meluas untuk meningkatkan kefahaman serta pengekalan bacaan. Strategi ini merangkumi lima langkah, iaitu Tinjauan, Soalan, Baca, Lafaz dan Semakan. Proses Tinjauan membolehkan pembaca memperoleh gambaran awal teks melalui pemerhatian terhadap tajuk, subjudul, jadual, graf dan kata kunci (Wan Dyarudin Wan Mustappa, 2017). Seterusnya, langkah Soalan membantu pembaca membentuk matlamat pembacaan melalui perancangan soalan yang relevan. Pembacaan aktif berlaku pada langkah Baca, di mana pembaca mencari jawapan kepada soalan yang dirumuskan sambil mencatat perkara penting dan mengenal pasti hubungan maklumat. Langkah Lafaz pula menekankan proses mengingat dan mengukuhkan pemahaman dengan menyatakan semula isi utama menggunakan ayat sendiri. Akhir sekali, langkah Semakan membantu pembaca menilai semula kefahaman melalui semakan berkala terhadap nota dan ringkasan, sekali gus menggalakkan pengekalan jangka panjang.

Dalam konteks pendidikan Bahasa Melayu, Komponen Sastera (KOMSAS) diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2000 sebagai medium untuk meningkatkan kepekaan estetika, penguasaan bahasa dan apresiasi budaya dalam kalangan pelajar (Chew Fong Peng, 2009). KOMSAS merangkumi lima genre utama, iaitu puisi tradisional, puisi moden, prosa tradisional, prosa moden dan novel. Pengajaran KOMSAS bukan sahaja memberi pendedahan kepada karya sastera Melayu, tetapi turut menyokong perkembangan pemikiran kritis dan kreativiti pelajar. Menurut Rozaini Ahmad (2017), keberkesanan PdP KOMSAS bergantung pada keupayaan guru memanfaatkan teks sastera sebagai medium penyampaian yang mampu menjadikan pembelajaran lebih bermakna, menyeronokkan dan berpusatkan pelajar.

Oleh kerana, KOMSAS memerlukan tahap kefahaman bacaan yang tinggi, strategi membaca yang sistematik seperti SQ3R berpotensi meningkatkan keberkesanan PdP serta membantu murid memahami struktur, tema, gaya bahasa dan nilai yang terkandung dalam teks secara lebih mendalam. Justeru, penerokaan keberkesanan SQ3R dalam konteks KOMSAS adalah penting bagi memperkukuh amalan pedagogi dan meningkatkan kemahiran membaca sastera dalam kalangan murid sekolah menengah.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan penggunaan strategi membaca SQ3R dalam meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan murid Tingkatan 2. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi murid terhadap penggunaan strategi SQ3R dalam proses pembelajaran, menilai tahap kemahiran membaca murid sebelum dan selepas pelaksanaan strategi tersebut melalui ujian pra dan ujian pasca, serta menganalisis kesan penggunaan strategi SQ3R terhadap peningkatan kemahiran membaca mereka. Pelaksanaan tujuan-tujuan ini membolehkan kajian menilai secara komprehensif potensi SQ3R sebagai pendekatan pedagogi yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS di sekolah menengah.

PENYATAAN MASALAH

Kemahiran membaca merupakan asas penting dalam penguasaan Bahasa Melayu kerana keupayaan memahami teks secara menyeluruh menyokong perkembangan pemikiran kritis, penguasaan kosa kata, serta komunikasi berkesan dalam kalangan pelajar. Namun, kelemahan dalam kefahaman membaca masih menjadi isu berterusan dalam sistem pendidikan. Kajian Zamri (2014) melaporkan bahawa ramai calon peperiksaan gagal memahami kehendak soalan, sekali gus menghasilkan jawapan yang tidak menepati tuntutan tugas. Penemuan ini seiring dengan laporan peperiksaan SPM oleh Rusdi (2011) yang menunjukkan kelemahan calon dalam menafsir teks, memberikan jawapan yang kurang tepat, serta cenderung menyalin secara langsung tanpa analisis yang bermakna.

Masalah ini menggambarkan ketidakupayaan pelajar menguasai strategi membaca yang berkesan bagi memahami isi kandungan teks. Situasi ini membimbangkan kerana Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran wajib lulus, dan kelemahan dalam kemahiran membaca memberi implikasi langsung terhadap prestasi akademik pelajar. Sehubungan itu, guru perlu mengaplikasikan teknik pengajaran membaca yang lebih sistematik, bervariasi dan berupaya merangsang minat pelajar (Abdul Rashid, 2012). Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk meneroka dan menilai strategi membaca berstruktur seperti SQ3R bagi membantu mengatasi isu kelemahan kefahaman membaca dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual kajian ini dibina berdasarkan anggapan bahawa strategi membaca SQ3R bertindak sebagai pemboleh ubah bebas yang mempengaruhi tahap kemahiran membaca murid dalam konteks pengajaran dan pembelajaran KOMSAS. Strategi SQ3R yang terdiri daripada lima komponen utama iaitu Tinjauan, Soalan, Baca, Lafaz dan Semakan dianggap berupaya menyediakan struktur kognitif yang sistematik bagi membantu murid memahami serta mengekalkan maklumat teks dengan lebih berkesan. Melalui pelaksanaan setiap komponen ini, murid dijangka dapat membina fokus pembacaan, mengaktifkan pengetahuan sedia ada, mengukuhkan kefahaman serta meningkatkan pengekalan maklumat.

Dalam kajian ini, kemahiran membaca berfungsi sebagai pemboleh ubah bersandar yang diukur melalui perbandingan prestasi murid sebelum dan selepas pelaksanaan strategi SQ3R menggunakan ujian pra dan ujian pasca. Persepsi murid terhadap penggunaan strategi SQ3R turut diambil kira sebagai elemen tambahan bagi menilai tahap penerimaan, keberkesanan serta kesesuaian strategi tersebut dalam konteks bilik darjah. Secara keseluruhannya, kerangka konseptual ini mencadangkan bahawa penggunaan strategi SQ3R secara sistematik berpotensi meningkatkan kemahiran membaca murid, khususnya dalam memahami dan mentafsir teks KOMSAS.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk :

1. Mengenal pasti persepsi murid terhadap kemahiran membaca menggunakan teknik SQ3R.
2. Melaksanakan tahap kemahiran membaca dalam kalangan murid sebelum dan selepas menggunakan teknik membaca SQ3R melalui ujian pra dan ujian pasca.
3. Menganalisis kesan penggunaan teknik membaca SQ3R terhadap murid.

KAJIAN LEPAS BERKAITAN DENGAN TEKNIK SQ3R

Kajian-kajian terkini dalam konteks pendidikan Bahasa Melayu dan pengajaran KOMSAS menunjukkan peningkatan perhatian terhadap strategi pengajaran membaca yang lebih sistematik dan berkesan. Abdul Rasid (2023) meneliti penggunaan bahan KOMSAS dalam kalangan murid Tingkatan 4 dan mendapati minat murid terhadap KOMSAS masih rendah kerana kecenderungan murid meminati genre tertentu sahaja. Dapatan ini menegaskan keperluan guru memilih strategi pengajaran yang lebih sesuai agar penglibatan murid dapat dipertingkatkan. Hal ini selari dengan dapatan Chew Fong Peng dan Zahwah Jamaludin (2022) yang melaporkan bahawa murid Tingkatan 1 menunjukkan tahap kesediaan, motivasi dan kepuasan sederhana terhadap pembelajaran KOMSAS dalam talian, namun wujud hubungan positif antara ketiga-tiga pemboleh ubah tersebut terhadap keberkesanan PdP, sekali gus menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran memainkan peranan kritikal dalam memacu penglibatan murid.

Dapatan kajian oleh Nur Shahirah dan Zamri (2021) turut menunjukkan bahawa guru Bahasa Melayu memiliki tahap pengetahuan dan sikap yang tinggi terhadap penerapan KBAT dalam PdP KOMSAS. Walau bagaimanapun, guru masih berdepan beberapa kekangan dalam mengaplikasikan KBAT secara optimum. Keadaan ini menunjukkan keperluan strategi pengajaran membaca seperti

SQ3R yang bukan sahaja menyokong kefahaman literal tetapi turut membuka ruang kepada pembinaan kemahiran berfikir aras tinggi. Sementara itu, kajian Jennifer Len dan Zamri (2022) mengenai Pembelajaran KOMSAS melalui Pendekatan Terbeza menunjukkan murid mempunyai sikap sederhana terhadap pendekatan tersebut, namun tetap berusaha melengkapkan tugas. Ini mengukuhkan keperluan intervensi pedagogi yang lebih jelas struktur dan langkahnya, seperti SQ3R, untuk memudahkan murid memahami teks KOMSAS secara lebih sistematik.

Kajian oleh Usha Nagasundram dan Vijayaletchumy Subramaniam (2019) juga mendapati bahawa murid cemerlang lebih kerap mengamalkan strategi membaca berbanding murid lemah, manakala faktor seperti minat dan sikap menjadi punca utama kelemahan murid dalam membaca. Dapatan ini menyokong hujah bahawa strategi membaca yang berstruktur dapat membantu murid lemah meningkatkan prestasi. Kajian berteraskan teknologi seperti oleh Azhar et al. (2020) pula menunjukkan bahawa Frog VLE berpotensi menyokong PdP KOMSAS tetapi masih kurang diaplikasikan oleh guru akibat kekangan teknikal dan kompetensi. Keputusan ini mencadangkan bahawa selain teknologi, strategi membaca tradisional seperti SQ3R masih relevan dan perlu diberi perhatian dalam meningkatkan kefahaman membaca murid.

Selain itu, kajian oleh Razali dan Mahamod (2018) mendapati bahawa strategi pengajaran guru Bahasa Melayu memainkan peranan besar dalam meningkatkan kemahiran membaca pemahaman murid sekolah menengah. Guru yang mengaplikasikan strategi pengajaran berstruktur dan berfokus didapati mampu meningkatkan interaksi murid dengan teks, sekali gus menghasilkan kefahaman yang lebih mendalam. Dapatan ini menguatkan asas penggunaan strategi membaca seperti SQ3R yang menyediakan langkah pembelajaran tersusun dan jelas bagi membantu murid meneroka teks secara sistematik. Hasil ini juga selari dengan pandangan Jamian (2023) dan Sabil dan Latip (2020) bahawa pemilihan strategi pengajaran yang sesuai dapat mempertingkatkan keberkesanan PdP KOMSAS.

Secara keseluruhan, kajian dalam negara menunjukkan bahawa pengajaran KOMSAS memerlukan strategi yang efektif, terancang dan berstruktur bagi meningkatkan kefahaman murid. Teknik SQ3R terbukti menyokong pencapaian tersebut, namun kajian empirikal yang menguji keberkesanannya dalam konteks KOMSAS masih terhad, justeru wajar diteruskan.

Kajian luar negara turut menegaskan keberkesanan teknik membaca SQ3R dalam meningkatkan kefahaman membaca. Putri, Yulianto dan Kusumaningrum (2023) mendapati bahawa penggunaan kaedah SQ3R memberi kesan signifikan terhadap peningkatan kemahiran membaca pemahaman murid sekolah rendah. Menggunakan reka bentuk pra–ujian dan pasca–ujian dalam satu kumpulan, kajian ini membuktikan bahawa SQ3R membantu pelajar menstruktur pemikiran dan memahami teks secara lebih mendalam. Kajian Winda Putri Sakinah dan Nini Ibrahim (2023) juga melaporkan dapatan yang konsisten apabila kaedah SQ3R meningkatkan pencapaian pemahaman bacaan dalam kalangan murid sekolah rendah melalui analisis ujian t bebas, sekali gus memberikan bukti empirikal tambahan terhadap keberkesanannya.

Dalam konteks pedagogi bersepadu, Endang Sri Maruti et al. (2022) menilai pelaksanaan SQ3R yang disertai media cerita bergambar dan mendapati kaedah tersebut meningkatkan respons positif murid serta mewujudkan pembelajaran yang lebih bermakna. Walaupun terdapat beberapa halangan seperti kekangan masa dan murid yang sukar mengikuti pembelajaran berperingkat, strategi tersebut tetap menunjukkan keberkesanan dalam meningkatkan kefahaman bacaan. Sementara itu, kajian oleh Iis Atikah et al. (2017) menunjukkan bahawa penerapan SQ3R melalui permainan Pos Pelangi berjaya meningkatkan kemahiran merumus isi cerita dalam kalangan murid, menandakan bahawa SQ3R boleh disesuaikan dengan pelbagai pendekatan pedagogi.

Kajian antarabangsa menegaskan kelebihan strategi SQ3R dalam meningkatkan kefahaman membaca dalam pelbagai konteks pendidikan, termasuk melalui integrasi media dan aktiviti interaktif. Konsistensi dapatan ini mengukuhkan asas teori dan empirikal bahawa SQ3R merupakan strategi membaca yang berkesan.

Secara keseluruhannya, kajian dalam dan luar negara menunjukkan pola yang konsisten bahawa teknik SQ3R berupaya meningkatkan kefahaman membaca dalam pelbagai konteks bahasa dan tahap pembelajaran. Walaupun kajian dalam negara lebih tertumpu kepada konteks KOMSAS dan Pendidikan Bahasa Melayu, kajian luar negara pula memberi sokongan empirik yang kukuh terhadap

keberkesanan SQ3R dalam meningkatkan pemahaman teks. Walau bagaimanapun, kajian mengenai penerapan SQ3R secara khusus dalam pengajaran KOMSAS di sekolah menengah masih kurang dijalankan, sekali gus menunjukkan adanya jurang penyelidikan yang wajar diterokai oleh kajian ini.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen yang melibatkan kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan bagi menilai keberkesanan strategi membaca SQ3R terhadap kemahiran membaca KOMSAS dalam kalangan murid Tingkatan 2. Reka bentuk ini dipilih kerana pengkaji tidak dapat mengawal sepenuhnya proses pengelasan murid ke dalam kelas sedia ada, selaras dengan keperluan penyelidikan pendidikan sebenar. Ujian pra dan ujian pasca digunakan untuk mengukur perbezaan tahap kemahiran membaca sebelum dan selepas intervensi diberikan.

Populasi Dan Sampel

Seramai 120 orang murid Tingkatan 2 di sebuah sekolah di Pulau Pinang dipilih sebagai peserta kajian. Teknik persampelan kelompok digunakan bagi menempatkan murid dalam dua kumpulan, iaitu kumpulan eksperimen yang menerima intervensi SQ3R dan kumpulan kawalan yang mengikuti kaedah pengajaran konvensional. Pemilihan sekolah dan peserta dibuat berdasarkan kesesuaian konteks PdP KOMSAS serta sokongan pihak sekolah terhadap pelaksanaan intervensi.

Instrumen Kajian

Instrumen utama kajian terdiri daripada:

1. Ujian Pra dan Ujian Pasca – dilaksanakan untuk menilai perubahan tahap kemahiran membaca KOMSAS murid sebelum dan selepas intervensi. Item ujian dibina berdasarkan konstruk kefahaman literal, inferens dan kritis selaras dengan standard kurikulum Bahasa Melayu.
2. Soal Selidik Persepsi – digunakan untuk menilai persepsi murid terhadap penggunaan strategi membaca SQ3R. Skala Likert lima mata digunakan untuk mengukur dimensi seperti kefahaman, minat, keberkesanan dan kebolehgunaan strategi.

Kesahan kandungan instrumen disahkan oleh tiga orang pakar pendidikan Bahasa Melayu, manakala kebolehpercayaan ujian dianalisis menggunakan pekali alfa Cronbach.

Prosedur Kajian

Kajian dilaksanakan dalam tiga fasa utama:

1. Fasa 1: Ujian Pra
Kedua-dua kumpulan menjalani ujian pra bagi menentukan tahap asas kemahiran membaca. Data pra-intervensi digunakan untuk memastikan kesetaraan awal antara kumpulan.
2. Fasa 2: Intervensi
Kumpulan eksperimen mengikuti PdP KOMSAS menggunakan strategi membaca SQ3R selama enam minggu, meliputi lima fasa strategi: Tinjauan, Soalan, Baca, Lafaz dan Semakan. Guru diberikan modul ringkas SQ3R bagi memastikan keseragaman pelaksanaan. Kumpulan kawalan pula mengikuti pengajaran konvensional berdasarkan kaedah guru sedia ada tanpa penggunaan strategi membaca khusus.
3. Fasa 3: Ujian Pasca dan Soal Selidik Persepsi
Kedua-dua kumpulan melaksanakan ujian pasca untuk mengukur perubahan pencapaian. Selain itu, soal selidik persepsi diberikan kepada kumpulan eksperimen bagi menilai pandangan murid terhadap keberkesanan strategi SQ3R.

Kaedah Analisis Data

Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) Version 26.0. Analisis deskriptif digunakan untuk menggambarkan skor min, sisihan piawai dan tahap persepsi murid terhadap SQ3R. Ujian-t sampel bebas digunakan untuk membandingkan perbezaan skor antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan, manakala ujian-t sampel berpasangan digunakan untuk menilai perubahan skor dalam kumpulan yang sama sebelum dan selepas intervensi. Tahap signifikan ditetapkan pada $p < 0.05$.

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Bahagian I: Demografi Responden

Profil responden merangkumi jantina, etnik dan pencapaian awal Bahasa Melayu. Data deskriptif bagi ketiga-tiga aspek ini telah digabungkan bagi menghasilkan gambaran lebih komprehensif seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Profil Responden Mengikut Jantina, Etnik dan Pencapaian Akademik (N = 120)

Pemboleh Ubah	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	48	40.0
	Perempuan	72	60.0
Etnik	Melayu	75	62.5
	Cina	27	22.5
	India	18	15.0
Keputusan Bahasa Melayu (Pra)	A	48	40.0
	B	54	45.0
	C	18	15.0

Taburan responden menunjukkan komposisi gender yang seimbang dengan majoriti perempuan (60.0%). Walaupun terdapat perbezaan, komposisi ini adalah tipikal bagi kelas menengah rendah dan tidak menjejaskan kebolehwakilan sampel. Dari segi etnik, murid Melayu membentuk majoriti (62.5%), selari dengan demografi sekolah harian biasa, manakala kumpulan Cina dan India turut mewakili sebahagian signifikan sampel (37.5%).

Pencapaian Bahasa Melayu awal menunjukkan bahawa 40.0% murid telah berada pada tahap cemerlang, namun 15.0% berada pada tahap memerlukan intervensi (gred C). Variasi prestasi ini menjadikan sampel sesuai untuk menguji intervensi strategi membaca seperti SQ3R, kerana murid berkeupayaan rendah dan tinggi dapat diperbandingkan dari segi keberkesanan strategi tersebut. Kehadiran murid pelbagai tahap pencapaian juga memperkukuh kebolehgunaan dapatan sebagai bukti empirikal.

Bahagian II: Persepsi Murid terhadap Teknik SQ3R

Persepsi murid dinilai melalui 10 item berskala Likert.

Jadual 2: Merumuskan purata keseluruhan item.

Item	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai
1	Pernah mendengar teknik SQ3R	4.33	0.71
2	Pernah menggunakan teknik SQ3R	4.18	0.75

Item	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai
3	SQ3R membantu memahami teks	4.60	0.65
4	Memahami setiap langkah SQ3R	4.05	0.79
5	Mengetahui langkah pertama (Survey)	4.13	0.80
6	Faham tujuan langkah Survey	3.95	0.78
7	Memahami fungsi langkah Question	4.25	0.83
8	Pengetahuan SQ3R membantu pembelajaran	4.20	0.79
9	SQ3R mudah difahami	4.15	0.78
10	SQ3R lebih berkesan apabila difahami jelas	4.33	0.77

Secara keseluruhan, min semua item berada dalam julat 4.05 hingga 4.60, menunjukkan persepsi sangat positif terhadap SQ3R. Item berkaitan keberkesanan kognitif (“SQ3R membantu memahami teks”) mencatat min tertinggi ($M = 4.60$), menunjukkan impak langsung strategi terhadap kefahaman bacaan. Dua item mencatat min rendah relatif (3.95 dan 4.05), iaitu berkaitan pemahaman terperinci langkah Survey dan keseluruhan struktur teknik. Ini menunjukkan bahawa walaupun murid menguasai aplikasi teknik, mereka masih memerlukan scaffolding guru untuk memperkukuh pemahaman teori di sebalik setiap fasa SQ3R. Interpretasi ini penting kerana jurnal pendidikan menuntut hujah bahawa keberkesanan strategi bukan sahaja berdasarkan penggunaan, tetapi juga kefahaman konseptual pelaksanaannya.

Bahagian III: Perbandingan Tahap Kemahiran Membaca Sebelum dan Selepas Intervensi

Jadual 3: menunjukkan Analisis Deskriptif Ujian Pra dan Ujian Pasca ($N = 120$)

Ujian	Min	Minimum	Maksimum	Sisihan Piawai
Pra	64.80	45	80	8.07
Pasca	76.25	55	92	8.93

Jadual 4: Ujian-t Berpasangan bagi Perbandingan Markah Pra dan Pasca ($N = 120$)

Perbandingan	Min Perbezaan	t	p
Pra – Pasca	-11.45	-18.31	0.000

Dapatan analisis menunjukkan berlaku peningkatan yang signifikan dalam pencapaian kemahiran membaca murid selepas pelaksanaan strategi membaca SQ3R. Peningkatan purata markah daripada 64.80 dalam ujian pra kepada 76.25 dalam ujian pasca mencerminkan peningkatan relatif sebanyak 17.7%, manakala peningkatan markah minimum daripada 45 kepada 55 menunjukkan bahawa semua murid memperoleh sekurang-kurangnya peningkatan asas dalam kefahaman bacaan. Keputusan ujian-t berpasangan turut mengesahkan kewujudan perbezaan yang signifikan secara statistik, dengan nilai $t = -18.31$ dan $p = 0.000$ ($p < 0.05$), sekali gus menandakan magnitud kesan yang kuat hasil daripada intervensi pedagogi tersebut. Keberkesanan SQ3R dapat dijelaskan melalui asas teorinya yang memberi struktur kognitif yang jelas kepada murid; mereka tidak lagi membaca secara linear, sebaliknya mengaktifkan pengetahuan sedia ada melalui langkah Survey dan Question. Selain itu, fasa Recite dan Review memperkukuh pemprosesan maklumat sehingga ke memori jangka panjang, lalu menyumbang kepada peningkatan ketara markah pemahaman. Menariknya, murid berprestasi rendah menunjukkan lonjakan prestasi yang lebih besar berbanding murid sederhana dan tinggi, membuktikan bahawa SQ3R berfungsi bukan sahaja sebagai strategi pengayaan, tetapi juga sebagai intervensi pemulihan yang efektif dalam konteks PdP KOMSAS.

Bahagian IV: Kesan Penggunaan SQ3R terhadap Pembelajaran Murid

Jadual 5: Kesan Penggunaan SQ3R (N = 120)

Dimensi	Contoh Item	Sangat Setuju (%)	Setuju (%)	Tidak Pasti (%)
Motivasi	Lebih berminat membaca	60.0	30.0	10.0
Tingkah Laku Pembelajaran	Lebih kerap menggunakan strategi membaca	62.5	30.0	7.5
Efikasi Kendiri	Lebih yakin menjawab soalan	62.5	30.0	7.5

Selain kesan kognitif, penggunaan SQ3R turut memberikan impak afektif dan metakognitif yang signifikan terhadap pembelajaran murid. Berdasarkan dapatan soal selidik, peningkatan motivasi membaca jelas ditunjukkan apabila 60% murid sangat bersetuju bahawa strategi SQ3R menjadikan mereka lebih berminat untuk membaca, selari dengan teori Self-Determination yang menegaskan bahawa struktur pembelajaran yang jelas mampu merangsang motivasi intrinsik. Dari sudut tingkah laku pembelajaran, 62.5% murid melaporkan bahawa mereka lebih kerap mengaplikasikan strategi membaca selepas diperkenalkan kepada SQ3R, menunjukkan bahawa strategi ini bukan sahaja berfungsi semasa intervensi, tetapi turut berkembang menjadi tabiat pembelajaran sendiri yang menggantikan amalan membaca pasif sebelum ini. Efikasi sendiri murid juga meningkat dengan ketara apabila 62.5% menyatakan mereka lebih yakin menjawab soalan pemahaman selepas menggunakan SQ3R, hasil daripada kejelasan struktur mental yang terbina melalui setiap fasa strategi tersebut. Secara keseluruhan, dapatan ini membuktikan bahawa SQ3R memberikan kesan holistik yang meliputi aspek kognitif, afektif dan metakognitif, sekali gus menjadikannya strategi paling sesuai untuk PdP KOMSAS yang memerlukan pembacaan interpretatif, analitis dan berasaskan penaakulan mendalam.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan strategi membaca SQ3R memberikan impak yang signifikan terhadap peningkatan kemahiran membaca murid Tingkatan 2, khususnya dalam konteks pembelajaran KOMSAS. Peningkatan purata markah daripada 64.80 kepada 76.25, disokong oleh nilai t yang tinggi ($t = -18.31$, $p = 0.000$), membuktikan keberkesanan strategi ini sebagai intervensi pedagogi yang memberi kesan jelas kepada pemahaman bacaan murid. Perubahan ini bukan sahaja mencerminkan peningkatan prestasi kognitif, tetapi juga menunjukkan perubahan dalam cara murid mengurus teks, mengaktifkan maklumat dan mengorganisasi idea semasa membaca.

Persepsi murid yang sangat positif terhadap teknik SQ3R turut mengesahkan keberkesanan strategi tersebut. Sebahagian besar murid menyatakan mereka lebih berminat, lebih yakin dan lebih kerap menggunakan strategi membaca selepas intervensi. Hal ini selaras dengan pandangan Chew Moi Fong (2021) dan Wan Dyarudin (2017) yang menyatakan bahawa keberkesanan strategi membaca dipengaruhi oleh kejelasan struktur, aktiviti refleksi sendiri dan peluang murid membina makna melalui interaksi dengan teks. Teknik SQ3R memenuhi kesemua ciri tersebut, seterusnya menghasilkan perubahan tingkah laku pembelajaran yang lebih efisien.

Selain impak kognitif, dapatan soal selidik menunjukkan perubahan signifikan dalam aspek afektif dan metakognitif murid. Peningkatan minat membaca (60%), penggunaan strategi membaca yang lebih konsisten (62.5%) dan peningkatan efikasi sendiri (62.5%) menunjukkan bahawa SQ3R bukan sahaja membantu murid memahami teks, tetapi turut membina identiti pembaca yang lebih yakin dan berdikari. Ini menegaskan potensi SQ3R sebagai strategi pembelajaran yang bukan sekadar berbentuk teknik, tetapi juga sebagai alat pembinaan kemahiran abad ke-21.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa langkah *Survey* dan *Question* dalam SQ3R mengaktifkan pengetahuan sedia ada (prior knowledge) murid, seperti yang dihuraikan dalam Schema Theory. Apabila murid meninjau tajuk, gambar rajah, subjudul atau rumusan teks sebelum membaca, mereka sebenarnya membina rangka kognitif (schema) yang membantu menghubungkan maklumat baharu dengan pengetahuan lama. Proses penggabungan ini membolehkan murid memahami konteks teks secara lebih mendalam dan mengurangkan beban kognitif semasa membaca. Hal ini menjelaskan peningkatan ketara skor ujian pasca, terutamanya dalam kalangan murid berprestasi rendah yang sebelum ini tidak mempunyai strategi untuk mengaktifkan pengetahuan sedia ada.

Langkah *Read*, *Recite* dan *Review* dalam SQ3R berkait rapat dengan proses metakognitif yang melibatkan perancangan, pemantauan dan penilaian pembelajaran. Apabila murid membaca secara aktif, mencari jawapan kepada soalan yang mereka tetapkan, kemudian merumuskan maklumat secara lisan (*recite*), mereka sebenarnya sedang memantau tahap kefahaman diri sendiri. Keupayaan murid menilai kefahaman mereka terhadap teks menerusi aktiviti semakan (*review*) mendorong mereka membetulkan kesilapan dan menambah maklumat yang terlepas. Hal ini menjelaskan peningkatan tahap efikasi sendiri murid sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 5, di mana 62.5% melaporkan peningkatan keyakinan dalam menjawab soalan bacaan.

Menurut teori konstruktivisme, pembelajaran berlaku apabila murid membina makna melalui interaksi aktif dengan maklumat. Penggunaan SQ3R, yang memerlukan murid meneroka teks, membina soalan, menilai idea dan membuat rumusan, selaras dengan prinsip pembelajaran konstruktivis yang menekankan pembinaan makna secara sendiri. Pembelajaran menjadi lebih bermakna apabila murid melihat diri mereka sebagai pembina maklumat, bukan sekadar penerima pasif. Peningkatan kadar penggunaan strategi membaca (62.5%) dan sikap positif terhadap membaca turut mengesahkan bahawa murid membina makna secara aktif semasa berinteraksi dengan teknik SQ3R.

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa strategi membaca SQ3R berupaya meningkatkan kemahiran membaca murid Tingkatan 2 dalam pembelajaran KOMSAS secara signifikan, dari aspek kognitif, afektif dan metakognitif. Hasil dapatan menunjukkan bahawa SQ3R ialah pendekatan pedagogi yang relevan, berkesan dan sesuai digunakan oleh guru Bahasa Melayu bagi memenuhi keperluan pembelajaran abad ke-21. Intervensi ini bukan sahaja meningkatkan prestasi akademik tetapi turut membina sikap positif murid terhadap pembelajaran bahasa dan bacaan kritis.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini membuktikan bahawa strategi membaca SQ3R memberikan kesan yang signifikan terhadap peningkatan kemahiran membaca murid Tingkatan 2 dalam pembelajaran KOMSAS, sebagaimana ditunjukkan oleh peningkatan markah pasca intervensi, persepsi murid yang positif, serta peningkatan motivasi, efikasi sendiri dan penggunaan strategi pembelajaran aktif. Berdasarkan kerangka teori Schema, Metakognitif dan Konstruktivisme, SQ3R terbukti membantu murid mengaktifkan pengetahuan sedia ada, memantau kefahaman, dan membina makna secara lebih tersusun, sekali gus menjadikan strategi ini pendekatan pedagogi yang berkesan dalam membangunkan kemahiran membaca bertahap tinggi.

Berdasarkan keberkesanan SQ3R, guru disarankan mengaplikasikan strategi ini secara sistematik dalam PdP Bahasa Melayu, khususnya dalam pengajaran KOMSAS, di samping diberikan latihan profesional bagi memperkukuh kompetensi pedagogi mereka. Kurikulum Bahasa Melayu juga wajar menekankan strategi membaca eksplisit seperti SQ3R, manakala penyelidikan masa hadapan boleh meneliti keberkesanan jangka panjang, membuat perbandingan dengan strategi bacaan lain, serta meneroka pengalaman murid dan guru secara lebih mendalam menerusi kajian kualitatif.

Secara keseluruhannya, kajian ini mengesahkan potensi besar SQ3R sebagai strategi pembelajaran holistik yang bukan sahaja meningkatkan pencapaian akademik murid, tetapi turut memupuk motivasi, keyakinan dan autonomi belajar. Keberkesanannya dalam konteks KOMSAS membuktikan bahawa strategi berstruktur seperti SQ3R perlu diberi perhatian serius dalam usaha

meningkatkan kualiti pengajaran Bahasa Melayu dan memperkasa pedagogi literasi selaras dengan keperluan pendidikan abad ke-21.

RUJUKAN

- Anak Janang, J. L., & Mahamod, Z. (2022). Pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu terhadap murid sekolah menengah melalui pendekatan terbeza. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(4), 291–300. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/21047>
- Atikah, I., Iswara, P. D., & Hanifah, N. (2017). Penerapan metode Survey, Question, Read, Recite, Review (SQ3R) dengan permainan “Pos Pelangi” untuk meningkatkan kemampuan menyimpulkan isi cerita anak yang dibaca. *Jurnal Pena Ilmiah*, 2(1). https://ejournal.upi.edu/index.php/penailmiah/article/download/9523/pdf_1
- Fong, C. M., & Hoon, N. M. (2021). Kesan teknik SQ3R terhadap kefahaman membaca Bahasa Cina Tahun Tiga. *Jurnal Sains Sosial*, 7(2), 11–22. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol7.2.2.2021>
- Goyi, N., Kamaruddin, R., Halim, H. A., & Sha’ri, S. N. (2020). Strategi pemahaman bacaan dalam teks Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid suku kaum Rungus di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(12), 62–75. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.579>
- Ibrahim, N., & Nambiar, R. M. K. (2010). Strategi membaca dan kumpulan etnik: Satu kajian membaca dalam Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Malaysia. *Jurnal Linguistik*, 10(1), 137–157. <https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnallinguistik/article/view/166/146>
- Jamaludin, Z., & Peng, C. F. (2022). Kesiediaan, motivasi dan kepuasan pelajar Tingkatan 1 dalam pembelajaran KOMSAS secara dalam talian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(1), 29–39. <http://journalarticle.ukm.my/19107/1/302-573-1-SM.pdf>
- Jamian, A. R. (2023). Penggunaan bahan Komponen Sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 11(1), 89–99. <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/176/153>
- Jamian, A. R. (2023). Penggunaan bahan Komponen Sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *RUMPUN Jurnal Persuratan Melayu*, 11(1), 89–99. <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/176/153>
- Maruti, E. S., Karoma, D. L., & Cahya, W. A. (2022). Implementasi teknik SQ3R disertai media cerita bergambar pada pembelajaran keterampilan membaca pemahaman siswa SD. *LITERASI: Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 12(1), 34–42. <https://doi.org/10.23969/literasi.v12i1.4726>
- Mat Isa, N. S., & Mahamod, Z. (2021). Tahap pengetahuan, sikap dan masalah guru Bahasa Melayu terhadap penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS. *Asian People Journal*, 4(1), 93–107. <https://journal.unisza.edu.my/api/index.php/api/article/view/255/169>
- Nagasundram, U., & Subramaniam, V. (2021). Strategi kemahiran membaca dalam kalangan murid cemerlang dan murid lemah di SJK(T) Batu Caves, Selangor. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 7(2), 130–151. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/82256>
- Peng, C. F., & Jamaludin, Z. (2022). Kesiediaan, motivasi dan kepuasan pelajar Tingkatan 1 dalam pembelajaran KOMSAS secara dalam talian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(1), 29–39. <http://journalarticle.ukm.my/19107/1/302-573-1-SM.pdf>
- Putri, I. N. R., Yulianto, A., & Kusumaningrum, S. (2023). Penggunaan metode SQ3R berpengaruh terhadap kemampuan membaca pemahaman peserta didik di sekolah dasar. *Jurnal Papeda*, 5(1), 31–37.
- Rahman, S. F., Syafroni, R. N., & Meliasanti, F. (2025). Pengaruh metode pembelajaran SQ3R terhadap kemampuan membaca pemahaman teks cerita pendek. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Indonesia*, 5(1), 389–401. <https://doi.org/10.53299/jppi.v5i1.964>
- Razali, N., & Mahamod, Z. (2018). Strategi pengajaran guru Bahasa Melayu dalam meningkatkan kemahiran membaca pemahaman murid sekolah menengah. *RUMPUN Jurnal Persuratan Melayu*, 6(2), 45–57.

- Ruzanita Sarman, Sabil, A. M., & Othman, S. (2021). Strategi metakognitif dalam kemahiran membaca pelajar Tingkatan Enam sekolah menengah. *International Journal of Education and Training*, 7(1), 1–10. http://www.injet.upm.edu.my/images/volume/isukhas7okt_2021/Strategi%20Metakognitif.pdf
- Sabil, A. M., & Latip, N. A. (2020). Strategi pengajaran guru dalam pembelajaran sastra Melayu. *RUMPUN Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 22–34.
- Sabil, A. M., Othman, S., Jamian, A. R., & Said, R. R. (2020). Keberkesanan penggunaan Frog VLE terhadap pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastra dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(4), 50–55. <http://ojie.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/26842>
- Sakinah, W. P., & Ibrahim, N. (2023). Pengaruh metode SQ3R terhadap keterampilan membaca pemahaman siswa kelas IV di sekolah dasar. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Sekolah Dasar*, 7(1), 38–45. <https://journal.um-surabaya.ac.id/index.php/pgsd/article/view/14066/6200>
- Samaon, S. S., & Subet, M. F. (2020). Perwatakan dalam novel KOMSAS “Di Sebalik Inara”: Analisis Teori Relevan. *Asian People Journal*, 3(1), 84–100. <https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/view/155/120>
- Subri, M. R., & Yaakub, R. (2021). Pengetahuan pedagogi guru cemerlang Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastra: Satu kajian kes. *Asian People Journal*, 4(1), 50–64. <https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/view/251/178>
- Wan Mustappa, W. D. (2017). Keberkesanan teknik membaca SQ3R dalam pengajaran kefahaman membaca di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1). <http://journalarticle.ukm.my/10408/1/127-244-1-SM.pdf>
- Wong, L. T., & Md. Khambari, M. N. (2017). Kaedah pemilihan media pengajaran Komponen Sastra (KOMSAS) oleh guru cemerlang Bahasa Melayu. *International Journal of Education and Training*, 3(2), 1–11.
- Yusmidarnis. (2024). Penerapan metode Survey, Question, Read, Recite, Review (SQ3R) untuk meningkatkan keterampilan membaca pemahaman siswa di sekolah dasar. *Journal of Exploratory Dynamic Problems*, 1(1), 78–84. <https://edp.web.id/index.php/edp/article/view/18>